

Tuanku Ja'afar mahu sektor pertanian dimajukan

Oleh Mokhtar Alias

BH 2017 103

KUALA PILAH: Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman, mahu kerajaan negeri mengambil langkah proaktif memajukan sektor pertanian di negeri ini dan tidak hanya bergantung kepada bidang industri.

Baginda berkata, negeri tidak boleh bergantung semata-mata kepada bidang industri kerana kepelbagaian hasil negeri akan menjamin kestabilan ekonomi.

"Semua pihak perlu mengambil kesempatan dengan banyaknya tanah di negeri ini, yang boleh dimajukan untuk kegiatan pertanian," katanya ketika berucap pada istiadat penyampaian darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena ulang tahun keputeraan baginda ke-81 di Istana Besar Seri Menanti, dekat sini, semalam.

Tuanku Ja'afar berkata, perkembangan ekonomi yang positif, diharapkan akan berterusan, termasuk menarik lebih banyak pelabur menanam modal dan menjalankan kegiatan mereka dengan aktif.

Sehubungan itu, baginda berharap bidang pendidikan perlu terus diberi perhatian utama untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir bagi mengisi kekosongan yang ada.

"Produk sumber manusia ini juga akan menjadi salah satu tarikan kepada pelabur kerana mereka tidak perlu mencari tenaga mahir dari luar kerana Negeri Sembilan mempunyai tenaga yang diperlukan itu," katanya.

Baginda berkata, dalam bidang pendidikan agama Islam, negeri ini berjaya melahirkan pelajar yang cemerlang, tidak hanya dalam bidang agama, malah sains dan matematik.

Sementara itu, bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Raja Muhammad Alias Raja Mohammad Ali, 71, mengetuai senarai penerima darjah kebesaran bintang dan pingat.

Beliau yang dilahirkan di Kuala Pilah pada 10 Ogos 1932, menerima darjah tertinggi negeri, Darjah Seri Utama Negeri Sembilan (SPNS) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Pengarah Syarikat Pesnka Antah

Sdn Bhd, Tunku Datin Seri Mimi Wahida Tunku Wahman dianugerahkan Darjah Seri Paduka Tuanku Ja'afar Yang Amat Terpuji (SPTJ), yang membawa gelaran Dato' Seri. Beliau ialah isteri Datuk Seri Tunku Nadzaruddin Tuanku Ja'afar.

Panglima Tentera Darat, Datuk Wira Mohd Shahrom Nordin, anak kelahiran Kuala Pilah juga menerima anugerah sama.

Seramai 884 menerima anugerah kebesaran dan pingat sempena ulang tahun keputeraan baginda, tahun ini.

Tiga ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri, Zakaria Nordin (Pendidikan, Penerangan, Belia dan Sukan), Norhayati Omar (Sosial, Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Wanita) dan T Raja-gopalu (Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna) adalah antara 27 penerima Darjah Dato' Setia Negeri Sembilan (DSNS),

yang membawa gelaran Dato'.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bahau, See Ah Kow dan Ketua Umno bahagian Rasah juga Pengarah Urusan Cycle and Carriage Bintang Berhad, Datuk Muhamad Hassan dan Ketua Eksekutif Bioven Holdings Sdn Bhd, Mukhriz Mahathir turut menerima anugerah sama.

Anggota Dewan Perwakilan Rakyat wilayah Sumatera Barat, H Soetan Moehamad Taufiq Thaib menerima Darjah Kehormat Dato' Paduka Tuanku Ja'afar (DPTJ), yang juga membawa gelaran Dato'.

Seniman veteran Mustapha Azahari Maarof dan Ketua Pegawai 'Eksekutif Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Ahmad Farid Ridzuan adalah antara 31 orang yang dianugerahkan Darjah Dato' Paduka Tuanku Ja'afar (DPTJ) yang membawa gelaran Dato'.